

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 29 April, 2019 10:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Nora Kongsi Pengalaman Luas Dalam Dunia Korporat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2019 / 23 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NORA KONGSI PENGALAMAN LUAS DALAM DUNIA KORPORAT



UUM ONLINE: Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank, Nora Abd Manaf berkongsi pengalaman luasnya dalam bidang korporat pada program CEO @ Faculty "Balance For Better, di Studio OYAGSB, semalam.

Nora yang juga Profesor adjung UUM terus mencapai kejayaan demi kejayaan dan pencapaian yang memberangsangkan sekali gus mengharumkan nama negara.

Antaranya Pengerusi Malayan Commercial Banks Association, Pengerusi Industry's Human Resource Networking Group (HRNG); *Council Member of the Malaysian Employers Federation (MEF)*, dan *Council Member of the country's National Labour Advisory Council (NLAC)*.

Melihat kejayaan dan kegemilangan yang dicapai pada hari ini, Nora mengakui pernah menempuh kehidupan yang sukar penuh mencabar ketika zaman kecilnya.

“Malah dengan cabaran dan kesusahan itulah yang menguatkan diri saya untuk berdepan dengan apa sahaja halangan yang datang sehingga berada pada tahap ini.

“Bila kita berjaya kita bukan sahaja membantu diri kita malah kita juga dapat menolong orang lain,” luahnya dalam bual bicara anjuran Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) yang dikendalikan oleh Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek.

Ujarnya, pada masa ini terutamanya di era digital, apabila seseorang itu tidak cukup ilmu pengetahuan maka ia akan melakukan banyak kesalahan dalam tugas yang diberikan.

Beliau menyeru semua hadirin menimba ilmu pengetahuan agar sentiasa bersedia menghadapi era digital yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin selain berdedikasi, mendapat sokongan kuat daripada rakan sekerja dan juga keluarga.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kunjungan beliau ke Universiti di Rimba Hijau.

“Kita berasa bertuah kerana berpeluang mendengar perkongsian pengalamannya yang sangat luas dalam bidang koporat yang memberi inspirasi kepada kita dan pemimpin-pemimpin di UUM untuk terus berjaya,” katanya

Hadir sama, Pengerusi Program Bahagian Kerjasama Inovatif Industri, CUIC, Dr. Wan Nadzri Osman, staf OYAGSB dan warga kampus.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.